

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 5 FEBRUARI 2015 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Sedia dana RM20 juta	Harian Metro
2	Melawat (SIRIM)	Utusan Malaysia
3	TPM Biotech dilantik Makmal Panel Halal Jakim	Utusan Malaysia
4	Makmal panel halal percepat analisis	Berita Harian
5	Jakim lantik makmal panel uji DNA	Kosmo
6	Makmal UTHM terima akreditasi antarabangsa	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 8
TARIKH: 5 FEBRUARI 2015 (KHAMIS)

SUSULAN DAUN AJAIB

Sedia dana RM20 juta

■ MOSTI
sanggup beri
peruntukan
besar untuk
kajian lanjut
daun rerama

Oleh Rizanizam Abdul Hamid
rizanizam@metro.com.my
Kuala Lumpur

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berseada memberi dana bernilai sehingga RM20 juta untuk kos penyelidikan klinikal terhadap daun rerama sehingga ia menjadi ubat yang menepati standard kesihatan dunia untuk merawat kanser.

Timbalan Menteri MOSTI Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, ketika ini Kementerian itu sedang menunggu keputusan terperinci ujian saintifik yang dilakukan sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) serang terhadap tumbuhan itu menggunakan sebahagian daripada dana RM300,000 yang sudah diluluskan.

"Dalam tempoh dua tiga bulan ini selepas ujian saintifik tamat, sekiranya keputusan positif, kita akan pertimbangkan ujian klinikal menggunakan dana sehingga RM20 juta kepada agensi di bawah MOSTI."

"Penyelidikan klinikal mungkin mengambil masa sehingga empat hingga lima tahun, tetapi jika berjaya,

Nilai sendiri kemujaraban

Kuala Lumpur: Penghidap barah boleh menilai sendiri tahap kemujaraban daun rerama asalkan tidak mengabaikan pengesanan awal kanser di hospital.

Pengasas Pusat Perubatan Aniza yang juga penderita barah berulang, Dr Nor Aniza Ali berkata, banyak herba di Malaysia kini didakwa bermanfaat untuk pelbagai penyakit kronik, namun ia masih tidak disokong hasil kajian saintifik dari segenap sudut.

"Bagi pesakit kanser, jika ada penawar yang mudah mengubati barah, dekat dan terjamin, sudah tentu ia menjadi pilihan."

"Namun, selagi belum ada kajian terperinci berhubung manfaat sebenar dan kesan sampingannya, elok dirujuk kepada hospital untuk mendapatkan pendapat pakar peruba-



DR Nor Aniza

tan," katanya.

Beliau mengulas laporan muka depan Harian Metro berhubung kehebatan daun spesies Red Butterfly Wing atau lebih dikenali sebagai daun rerama yang dibuktikan secara saintifik akar pokoknya mengandungi sel anti kanser dan anti keradangan.

Tanaman diusahakan Khamarul Rezan Lim Abdullah, 58, itu didakwa bu-

kan saja berkesan merawat barah, tetapi juga berupaya mengubati denggi, Sistem Lupus Eritematosus (SLE) dan penyakit lain berkaitan sel darah.

Berhubung testimoni dijalankan Khamarul terhadap penghidap SLE dan pesakit barah payudara sebelum ini, Dr Nor Aniza berkata, hasil kajian seumpama itu boleh dipertingkatkan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan (KKM) serta Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Saya percaya kerjasama antara UPM dan KKM mampu menghasilkan formula baru yang lebih bersesuaian untuk manfaat penghidap barah."

"Begitupun, pesakit diingatkan supaya mendahulukan ujian pengesanan awal sebelum mencuba sebarang kaedah perubatan alternatif," katanya.

daun rerama akan menjadi ubat klinikal untuk merawat kanser yang tiada dalam dunia," katanya.

Beliau mengulas laporan muka depan Harian Metro semalam mengenai penemuan Khamarul Rezan Lim Abdullah, 58, yang berjaya merawat pelbagai jenis penyakit kronik terutamanya kanser atau barah menggunakan daun spesies Red Butterfly Wing atau lebih dikenali sebagai

daun rerama.

Selain berkesan merawat barah, daun yang bentuknya seperti kepak rama-rama itu boleh mengubati denggi, Sistem Lupus Eritematosus (SLE) dan penyakit lain berkaitan sel darah.

Kajian saintifik penyelidik Jabatan Sains Bioperubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM turut berjaya menemui ciri-ciri anti kanser dan anti keradangan pada tumbuhan berkenaan.

Ujian makmal Institut Bioteknologi Melaka pada 2010 juga menunjukkan daun rerama mengandungi 13 sebatian kimia yang digunakan untuk menghasilkan pelbagai jenis ubat-ubatan.

Mengulas lanjut Abu Bakar berkata, langkah seterusnya MOSTI akan membangunkan ekstrak tumbuhan itu menjadi ubat mengikut plawasan yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Maly-



"Jika berjaya, ia akan menjadi ubat klinikal rawat kanser yang tiada dalam dunia"

Dr Abu Bakar Mohamad Diah

Pokok hiasan mampu ubat kanser

DAUN AJAIB



LAPORAN Harian Metro, semalam

sia (KKM), sekali gus mencapai standard perubatan dunia.

Menurut beliau, MOSTI amat berkeyakinan tinggi terhadap potensi dan inovasi

untuk menjadikan daun rerama sebagai ubat rawatan penyakit kanser yang bakal mengharumkan nama Malaysia dalam dunia perubatan.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 5 FEBRUARI 2015 (KHAMIS)

MELAWAT



KETUA Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur (dua dari kanan) melawat makmal kosmetik, Pusat Penyelidikan Bioteknologi Perindustrian, SIRIM Bhd. di Kompleks SIRIM di Shah Alam, semalam.

Lawatan itu sempena Mesyuarat Pengurusan Kementerian berkenaan yang berlangsung di Kompleks SIRIM dan dihoskan oleh Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof.

Turut hadir ialah Naib Presiden Bahagian Penyelidi-

kan dan Inovasi Teknologi SIRIM Ir. Dr. Mohamad Jamil Sulaiman dan Timbalan Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Dr. Mohd. Azhar Yahaya.

■ **NOORUL AINUR MOHD. NUR** (dua dari kanan) dan Mohamad Jamil Sulaiman (kanan) mendengar penerangan daripada Pengurus Besar Pusat Penyelidikan Bioteknologi Perindustrian SIRIM Berhad, Dr. Ahmad Hazri Abdul Rashid (kiri) ketika melawat pusat itu di Shah Alam, kelmarin.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 21
TARIKH : 5 FEBRUARI 2015 (KHAMIS)



OTHMAN MUSTAPHA (tiga dari kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan **Ahmad Husni Johari** (dua dari kanan) sambil disaksikan oleh **Jamil Khir Baharom** sewaktu majlis menandatangani perjanjian antara **TPM Biotech** dan **Jakim** di **Putrajaya**, semalam. - **UTUSAN/ WAHIDAH ZAINAL**

TPM Biotech dilantik Makmal Panel Halal Jakim

PUTRAJAYA 4 Feb. - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama **TPM Biotech Sdn. Bhd.** dengan melantik syarikat itu sebagai Makmal Panel Halal di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, usaha itu memberi pilihan kepada pihak industri sama ada ingin menggunakan khidmat ujian halal di **Jabatan Kimia** atau makmal panel halal tersebut.

Beliau berkata, pada masa ini, Jakim hanya menggunakan khidmat analisis Jabatan Kimia untuk tujuan menguji asid deoksiribonukleik (DNA), alkohol dan kimia yang mengambil masa selama 30 hari secara percuma.

"Bagaimanapun, bagi memenuhi kehendak industri yang memerlukan proses pengeluaran pensijilan halal lebih cepat, mereka boleh menggunakan pakai khidmat TPM Biotech yang mengambil masa selama 15 hari sahaja dengan dikenakan bayaran tertentu.

"Kerjasama ini dimeterai ekoran sambutan industri halal yang semakin berkembang dan mempunyai permintaan yang sangat tinggi dalam pasaran global selain berupaya melancarkan proses pengeluaran sijil halal," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Terdahulu, Jamil Khir menyaksikan majlis menandatangani MoU antara Jakim yang diwakili oleh Ketua Pengarahnya, Datuk Othman Mustapha bersama Ketua Pegawai Eksekutif TPM Biotech, Ahmad Husni Johari.

Jamil Khir memberitahu, pemilihan TPM Biotech untuk tempoh

satu tahun itu adalah berdasarkan kepada syarat yang telah ditetapkan Jakim iaitu mempunyai akreditasi daripada **Jabatan Standard Malaysia** dan mempunyai jawatankuasa halal dalaman serta mengaplikasi prosedur serti.

"Perkhidmatan makmal panel halal ini hanya merangkumi prosedur bagi tujuan pematuhan audit pensijilan halal yang mana sampel akan diambil oleh pegawai pemeriksa Jakim atau Jabatan Agama Islam Negeri semasa uji kaji dijalankan.

"Bagi sampel aktiviti peman-tauan dan penguatkuasaan, kita masih lagi menggunakan khidmat makmal di Jabatan Kimia," jelasnya.

Dalam pada itu, Jamil memberitahu, pihaknya sedang menimbang beberapa agensi dan syarikat untuk dilantik sebagai Makmal Panel Halal Jakim dalam masa terdekat.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 10
TARIKH: 5 FEBRUARI 2015 (KHAMIS)



Othman (tiga dari kiri) dan Ahmad Husni bertukar dokumen sambil disaksikan Jamil Khir (tiga dari kanan) pada **majlis menandatangani MoU antara JAKIM dan TPM Biotech di Putrajaya, semalam.** [FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

Makmal panel halal percepat analisis

» Proses pengesahan status kini hanya 15 hari

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Kewujudan makmal panel halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan mempercepatkan proses analisis bagi barangan yang dipohon untuk mendapatkan sijil halal.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir

Baharom, berkata makmal panel itu dapat membantu JAKIM menangani permintaan yang semakin meningkat dari industri tempatan dan luar negara.

Industri halal berkembang
Katanya, industri halal yang kian berkembang memerlukan JAKIM bergerak lebih pantas untuk menganalisis barangan berkenaan sebelum mendapat sijil halal.

Jika dulu, melalui makmal Jabatan Kimia kita akan memproses dalam tempoh 30 hari waktu bekerja, namun dengan penubuhan makmal panel halal, jangka masa yang diambil hanya 15 hari.

"Kadang kala industri memerlukan masa segera untuk

mendapatkan sijil halal. Dengan adanya makmal panel halal ini, ia secara tidak langsung membantu mereka.

"Kini mereka (industri) mempunyai pilihan sama ada mahu JAKIM atau panel halal yang membuat proses analisis terhadap barangan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara JAKIM dan TPM Biotech, di sini, semalam.

Menerusi MoU itu, TPM Biotech Sdn Bhd dilantik sebagai makmal panel halal pertama JAKIM bagi mempercepatkan proses pengesahan dan pen-sijilan Halal Malaysia.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Othman

Mustapha; Ketua Pegawai Eksekutif TPM Corporation Sdn Bhd, Datuk Mohd Azman Shahidin dan Ketua Pegawai Eksekutif TPM Biotech Sdn Bhd, Ahmad Husni Johari.

Jamil Khir berkata, melalui panel halal JAKIM, industri dikenakan bayaran yang ditetapkan oleh TPM Biotech, manakala di makmal Jabatan Kimia, tiada bayaran dikenakan.

Katanya, ini adalah permulaan kerana ada beberapa syarikat mahu menjadi panel halal JAKIM.

"Mereka perlu mengikuti beberapa syarat sebelum menjadi panel halal JAKIM, antaranya mengikuti standard ditetapkan dan mempunyai bahagian jawatankuasa halal dalaman," katanya.

Untuk komen,
hantar e-mel menerusi
bhnews@bh.com.my
atau di laman Facebook
BH Online

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 16
TARIKH: 5 FEBRUARI 2015 (KHAMIS)

TPM Biotech lakukan analisis kimia percepat proses pensijilan halal

Jakim lantik makmal panel uji DNA

PUTRAJAYA - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) melantik Technology Park Malaysia (TPM) Biotech Sdn. Bhd. (TPM Biotech Sdn. Bhd.) sebagai makmal panel halal pertamanya bagi mempercepatkan proses pengesahan dan pengeluaran pensijilan Halal Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, pada masa ini, Jakim hanya menggunakan khidmat makmal Jabatan Kimia bagi tujuan analisis fizikal, asid deoksiribonukleik (DNA), trigliserida (lemak dalam darah), alkohol dan kimia yang mengambil masa selama 30 hari tanpa bayaran.

"Bagaimanapun, bagi memenuhi kehendak industri yang memerlukan pensijilan halal dengan cepat, mereka boleh mengguna pakai khidmat TPM Biotech di Bukit Jalil, Kuala Lumpur yang hanya mengambil masa selama 15 hari dengan bayaran dikenakan mengikut jenis parameter analisis.

"Kerjasama pintar ini dimeterai ekoran kerancakan industri halal yang semakin berkembang dan mempunyai permintaan yang sangat tinggi dalam pasaran global selain melancarkan proses pensijilan Halal Malaysia," katanya pada sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum



JAMIL KHIR (tengah) menyaksikan Othman (depan, dua dari kiri) bertukar-tukar dokumen dengan Ahmad Husni (dua dari kanan) pada majlis menandatangani MoU pelantikan TPM Biotech sebagai makmal panel halal pertama Jakim di Putrajaya semalam.

persefahaman (MoU) antara Jakim dengan TPM Biotech di sini semalam.

Hadir sama Ketua Pengarah Jakim, Datuk Othman Mustapha dan Ketua Pegawai Eksekutif TPM Biotech, Ahmad Husni Johari.

Jamil Khir memberitahu, perkhidmatan analisis produk halal yang ditawarkan TPM Biotech adalah khusus untuk analisis DNA.

"Perkhidmatan makmal panel ini hanya merangkumi sampel bagi tujuan pematuhan audit pensijilan halal yang mana sampel akan diambil oleh pegawai pemeriksa Jakim atau

Jabatan Agama Islam negeri semasa audit dijalankan.

"Bagi sampel aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan, ia masih lagi menggunakan khidmat makmal di Jabatan Kimia," jelasnya.

Dalam pada itu, Jamil memberitahu, terdapat tiga lagi makmal yang berkecayaan dan kini dalam proses dipertimbangkan untuk dilantik sebagai makmal panel halal iaitu Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia; Uniqeq Sdn. Bhd. milik Universiti Kebangsaan Malaysia dan Melaka Biotechnology Corporation.



Makmal UTHM Terima Akreditasi Antarabangsa

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Makmal Keserasian Elektromagnet (EMCcenter) di bawah Pusat Penyelidikan Elektromagnet Gunaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai sebuah makmal bertaraf dunia.

EMCcenter dianugerahkan sijil akreditasi MS ISO/IEC 17025 di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia, [Jabatan Standard Malaysia](#), berkuat kuasa selama tiga tahun mulai 15 Dis, 2014.

"EMCcenter merupakan satu-satunya makmal di universiti Malaysia yang berjaya mencapai standard dalam bidang Keserasian Elektromagnet," kata Ketua EMCcenter, Prof Dr Mohd Zarar Mohd Jenu.

Dalam kenyataan pada Rabu, beliau berkata akreditasi membolehkan makmal tersebut melaksanakan pengujian EMC dan mengeluarkan laporan pengujian yang berwibawa.

Pelanggan yang mahu mengeksport produk elektrik dan elektronik ke pasaran antarabangsa seperti Eropah, Amerika dan Jepun boleh menggunakan laporan pengujian tersebut.

Mohd Zarar berkata EMCcenter terlibat secara aktif dalam pengujian dan kajian kesan gelombang elektromagnet terhadap alatan dan manusia.

Selain perkhidmatan pengujian, ia turut menyediakan penyelidikan, latihan, rundingan dan kerja-kerja simulasi komputer.

"Kami berhasrat untuk menyokong pertumbuhan industri elektrik dan elektronik untuk memastikan produk mereka dapat menembusi pasaran antarabangsa," katanya.

Mohd Zarar berkata EMCcenter merancang untuk meluaskan skop pengujian bagi meliputi komponen automotif dan pertahanan pada masa hadapan.

"Kami berharap kerajaan akan menyediakan geran bagi pembinaan bangunan dan alatan yang diperlukan," katanya.

-- BERNAMA